



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

S'pura boleh lahirkan jaguh silat

Berita Harian, 30 November 1998, Page 13

Article also available on Microfilm Reel NL21647

Printer-Friendly Page

S'pura boleh lahirkan jaguh silat

- Oleh | MOHD SANI ALI.

SINGAPURA mampu melahirkan 10 pesilat setaraf juara dunia, Sheik Alauddin Yaacob, bagi meningkatkan cabaran negara di dunia persilatan antarabangsa pada masa akan datang.

Ini merupakan pandangan Setiausaha Parlimen Kanan (Penerangan dan Kesenian), Encik Yatiman Yusof, ketika merasmikan pelancaran Format Latihan Baru bagi Skuad Silat Nasional di auditorium Persatuan Rakyat, pagi semalam.

"Kita mampu melahirkan 10 pesilat setaraf Sheik," kata Encik Yatiman, sambil menambah, "tetapi anda perlu melihat apa yang dilakukan oleh Sheik."

Menurut Encik Yatiman, yang juga selaku penasihat Persekutuan Silat Singapura (Persisi), dedikasi dan disiplin

yang dipaparkan oleh bekas juara dunia dua kali itu harus dicontohi pesilat-pesilat negara.

Malah, Encik Yatiman tidak bersekolah menyifatkan Sheik, yang dilantik selaku jurulatih nasional bersama Jasni Salam, merupakan pesilat contoh bagi para ahli sukan yang lain.

Penasihat Persisi itu juga turut sependapat dengan presiden persekutuan silat nasional, Haji Abdul Rahman Ismail, bahawa pesilat perlu mendisiplinkan diri, termasuk menjauhkan diri daripada merokok.

Sehubungan dengan itu, Encik Yatiman dalam ucapan sulungnya selaku penasihat Persisi, turut menyarankan agar badan induk silat itu memperkenalkan sistem ranking di kalangan pesilat nasional.

"Ia melibatkan sistem penilaian bukan sahaja ke atas persembahan mantap oleh setiap pesilat, malah kegigihan yang ditunjukkan oleh mereka di sepanjang musim.

"Dengan cara ini, kita dapat mengenal pasti siapakah pesilat yang terbaik di kalangan pesilat nasional untuk diketengahkan dalam kejohanan-kejohanan antarabangsa nanti," jelas Encik Yatiman.

Penasihat Persisi itu juga melahirkan harapan agar para pesilat dapat mengikut format latihan yang baru diperkenalkan itu dengan lebih gigih demi untuk menempatkan silat negara di peta antarabangsa. — Oleh MOHD SANI ALI.